

Penuntut UMP bakal terima wang zakat

Sinar (Kuantan) Rabu
24/2/10 ms 85

KUANTAN – Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) menyerahkan wang zakat sebanyak RM30,000 kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam satu majlis ringkas yang diadakan, di sini.

Pengurus Besar Perhubungan Strategik BIMB, Datuk Wan Ismail Wan Yusoh berkata, sumbangan wang zakat itu merupakan salah satu tanggungjawab yang dilaksanakan syarikat perbankan itu kepada universiti berkenaan buat

tahun kedua.

Menurutnya, tahun lalu bank berkenaan menyampaikan sumbangan wang zakat sebanyak RM20,000 yang mana terdapat peningkatan pada tahun ini.

“Peningkatan itu menunjukkan perkembangan positif kepada BIMB seterusnya menjadi kejayaan dalam menarik kepercayaan pelanggan kami.

“Oleh itu, sumbangan wang zakat ini adalah satu tanggungjawab

yang harus dilunaskan dan saya berharap sumbangan tersebut dapat diagih-agihkan kepada pelajar miskin yang terpilih,”katanya pada majlis Penyampaian Wang Zakat di UMP, di sini.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir berkata, Tahun lalu, sebanyak RM 20,000 daripada Tabung Amanah Zakat UMP diagihkan BIMB kepada 30 pelajar yang berkelayakan.